

Setuju beri elaun seberang laut

Penjawat awam di Langkawi dapat kemudahan sama seperti di Sabah, Sarawak

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Kerajaan bersetuju memberikan elaun seberang laut bagi penjawat awam bertugas di Langkawi seperti dinikmati penjawat awam dari Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semanjung, kata Perdana Menteri,

Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Orang luar yang (datang) bekerja di Langkawi kosnya bertambah, jadi kita dah luluskan elaun penjawat awam yang bertugas di Langkawi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada program tinjauan mesra pelancongan dan perasmian Geopark Discovery Centre di sini, semalam.

Langkah selesai isu kebajikan

Perdana Menteri turut mengumumkan beberapa langkah drastik bagi menyelesaikan isu kebajikan yang sering dibangkitkan penduduk tempatan dan berlarutan sejak lama tanpa jalan penyelesaian.

Antaranya, kerajaan memberi jaminan menyelesaikan isu ke-

kurangan trip perkhidmatan feri menghubungkan tanah besar ke pulau ini yang memberi impak negatif termasuk kemerosotan kemasukan pelancong.

“Memang ada masalah sikit (perkhidmatan feri), tapi Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah ambil kes ini dan saya bagi jaminan kita selesaikannya dengan segera,” katanya.

Seterusnya, kerajaan bersetuju menyediakan ambulans laut bagi memudahkan pergerakan penduduk Pulau Tuba untuk menerima rawatan kecemasan di Hospital Sultanah Maliha di sini.

“Kita dah tempah ambulans laut, tapi saya tak setuju lancar sekarang, tungguilah selepas dapat keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN),” katanya.



Anwar berucap pada program tinjauan mesra pelancongan dan perasmian Geopark Discovery Centre di Langkawi, semalam (FOTO BERNAMEA)